

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN PANG HOK LIONG (LABIS)

TARIKH : 5 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan punca tangga pasport Malaysia paling berkuasa di dunia jatuh ke tangga 13 pada tahun 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penarafan tahap berkuasa pasport sesebuah negara di dunia adalah berdasarkan kepada Laporan Indeks Pasport Henley dan Laporan Mobiliti Global. Kedua-dua laporan berkenaan menganalisa beberapa kriteria secara terperinci bagi menentukan kedudukan pasport sesebuah negara. Ini termasuklah jumlah negara yang boleh dikunjungi tanpa memerlukan visa, syarat visa yang dikenakan kepada pasport berkenaan dan ciri-ciri keselamatan pasport.

Pada tahun 2020, Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA) boleh digunakan untuk mengunjungi 178 buah negara tanpa keperluan visa dan ini meletakkan Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA) di kedudukan semasa iaitu tangga ke-14 berbanding 199 pasport negara lain yang dinilai. Kedudukan Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA) ini boleh ditingkatkan melalui Perjanjian Bersama Penghapusan Visa (Separa) antara Kerajaan Malaysia dengan negara-negara berkaitan. Walau bagaimanapun, sebarang cadangan keperluan visa atau penghapusan visa dengan negara lain perlu memberi keutamaan kepada aspek keselamatan serta kajian mengenainya perlu dilakukan secara timbal balas (*reciprocal*) melalui Kementerian Luar Negeri (KLN).